



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 7 MEI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BERNAS BEGINS SMART SBB PROGRAMME, BUSINESS TIMES, NST -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MARITIM PINTAS DUA BOT NELAYAN VIETNAM, KUALA TERENGGANU, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	FAMA PASARKAN 84,000kg HARUMANIS BERNILAI LEBIH RM1.6 JUTA, DALAM NEGERI, UM -34	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	NAFAS BAHARU PESAWAH KADA, SH -24	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	SEKTOR PERTANIAN PERLU PENJENAMAAN SEMULA, BISNES, BH -25	LAIN-LAIN
6.	PELAJAR KV PASIR PUTEH HASILKAN BAJA TANAMAN, GAYA PENDIDIKAN, UM -24	
7.	TIME TO RELOOK LAND CULTIVATION TO IMPROVE AGRI-FOOD SECTOR, NEWS, THE STAR -8	
8.	OPTIMISE LAND TO CURB RELIANCE ON IMPORTED FOOD: ECONOMIST, NATIONAL, THE SUN -4	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu signing his name on the construction site information board for the Padi Pulut Langkawi Bernas ala Sekinchan project in Langkawi, yesterday.

EMPOWERING 326 PADI FARMERS

Bernas begins Smart SBB programme

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Bhd (Bernas) has kicked off the large-scale smart padi field (Smart SBB) ala Sekinchan programme in Langkawi, Kedah for glutinous rice cultivation.

The Padi Pulut Langkawi Bernas ala Sekinchan project, launched by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu yesterday, aims to elevate the socio-economic status of padi farmers by enabling them to achieve higher income returns and bolster domestic rice production through the promotion of best practices in the production of glutinous rice, Bernas said.

Encompassing 540ha of padi fields, the project aims to empower 326 padi farmers and is set to be developed in phases over five

years from this year to 2028, with the first phase commencing this month covering over 14ha.

Introduced by the government in 2021, the Smart SBB initiative aims to increase the country's self-sufficiency rate for rice, Bernas said.

"The adoption of integrated farm management systems, mechanisation, and IoT integration, underscored by the introduction of its practices, will help farmers in Langkawi optimise both the quality and quantity of their yield, leading to higher returns.

"This aligns with Bernas' dedication to uplifting the livelihoods of the nation's farming community," it added.

It is implemented with the support of the Agriculture Depart-

ment, Drainage and Irrigation Department, the Farmers Organisation Authority Malaysia, the Malaysian Agricultural Research and Development Institute and the Langkawi Development Authority.

The project facilitates farmers' participation in the programme by also providing initial financial support for padi seed capital.

"Bernas will continue to support and remain dedicated to upholding the nation's food security agenda.

"We will continue to collaborate closely with the Ministry of Agriculture and Food Security and other industry stakeholders, to enhance the welfare of farmers while ensuring the availability of a stable and sufficient rice supply for all Malaysians," it said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2024	SINAR HARIAN	KUALA TERENGGANU	28

Maritim pintas dua bot nelayan Vietnam

Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM1.5 juta

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR
KUALA TERENGGANU

Tindakan bot nelayan asing kerap mencerooboh dan menangkap ikan di dalam perairan negara akhirnya menerima padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) ketika Operasi Naga Barat pada Ahad.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Khairulnuar Abd Majid berkata, dua bot dari Vietnam bersama 18 kru dan tekong ditahan jam 3.30 petang di kedudukan 145 batu nautika timur laut muara Kuala Terengganu.



Bot nelayan Vietnam ditahan untuk siasatan.

“Ketika diperiksa, semua kru bot bersama tekong berusia lingkungan 13 hingga 63 tahun gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri sah.

“Pemeriksaan lanjut juga mendapati mereka tidak memiliki

kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia untuk menangkap ikan di perairan negara,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut Khairulnuar, bot nelayan asing tersebut disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985.

“Keseluruhan nilai rampasan ini dianggarkan berjumlah RM1.5 juta,” katanya.

Jelas beliau, pihaknya akan terus meningkatkan kawalan dan pemantauan bagi membanteras pencerobohan nelayan asing.

“Maritim Malaysia akan memperkasakan lagi operasi pemantauan bagi mengekang pencerobohan bot nelayan asing di sekitar perairan negeri ini dalam beberapa siri operasi yang dirancang,” ujarnya.



Bot nelayan Vietnam ditunda ke jeti untuk pemeriksaan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail menunjukkan mempelam harumanis di Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN

FAMA pasarkan 84,000kg harumanis bernilai lebih RM1.6 juta

KANGAR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis memasarkan sebanyak 84,000 kilogram harumanis bernilai RM1.6 juta sejak bulan lalu.

Ia termasuk pemasaran secara dalam talian melalui portal Agrobazaar Online sebanyak 3,040 kilogram bernilai RM80,000 membabitkan 19 pengusaha.

Pengarah FAMA negeri, Mohd. Anzara Azizan berkata, usaha tersebut antara langkah mempromosi dan memasarkan buah istimewa itu yang mempunyai pengemarnya bukan sahaja di dalam malah di luar negara, termasuk Singapura.

Katanya, buah mempelam berkenaan telah mula mengeluarkan hasil sejak April lalu.

Selain itu, katanya, FAMA Perlis menjana sebanyak RM700,000 melalui kerjasama dengan Maj-

lis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam penganjuran Bazar Ramadan di Dataran Asnaf Business Corner (A.B.C.) MAIPs Kangar.

"Ia melibatkan 35 usahawan dari seluruh Perlis," katanya ketika mempersembah ucapan aluan kepada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sempena Majlis Sentuhan Kasih Aidilfitri Bersama Raja Muda Perlis di pejabat FAMA negeri di Behor Temak di sini, semalam.

Tuanku Syed Faizuddin turut berkenan menyempurnakan perasmian kempen lebihkan makan buah-buahan tempatan dalam usaha menggalakkan masyarakat menjadikan buah sebagai menu dalam setiap hidangan.

Majlis sambutan Aidilfitri tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran kakitangan FAMA negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2024	SINAR HARIAN		24

Nafas baharu pesawah KADA

Sebahagian besar sawah padi KADA rosak dan tidak dapat dituai pada musim ini berikutan masalah bekalan air ekoran kemarau teruk melanda sejak Februari lalu.

Sebahagian besar sawah padi KADA rosak dan tidak dapat dituai pada musim ini berikutan masalah bekalan air ekoran kemarau teruk melanda sejak Februari lalu.

Peruntukan RM20 juta untuk pembelian 20 unit pam air dijangka melancarkan urusan tanaman padi

KOTA BHARU


Pengumuman peruntukan sebanyak RM20 juta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk pembelian 20 unit pam air ke kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dijangka dapat menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi pesawah lebih 30 tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan, Zuha Ismail berkata, dengan adanya 20 unit pam baharu itu akan melancarkan urusan penanaman padi pada musim akan datang, yang dijangka bermula pada Jun sekali gus meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Menurutnya, sumber air yang mencukupi adalah faktor utama menentukan kesuburan tanaman padi yang menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

"Kelulusan itu merupakan berita gembira kepada lebih 7,000 petani KADA, sekali gus menyelesaikan masalah sumber air tanah sawah yang tidak berkesudahan sejak sekian lama.

"Kami sangat berterima kasih kepada Perdana Menteri yang prihatin dan memahami keangan yang dihadapi petani dengan meluluskan segera peruntukan," katanya ketika dihubungi pada Isnin.



Kedadaan sawah padi di Tumpat yang kering-kontang ketika ini akibat kemarau.

Zuha berkata, sebahagian besar daripada lebih 26,000 hektar tanah sawah KADA rosak dan tidak dapat dituai pada musim ini berikutan masalah bekalan air ekoran kemarau teruk melanda sejak Februari lepas.

Menurutnya, masalah itu menyebabkan petani terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM1,500 sehektar termasuk kos benih, baja dan racun perosak.

"Saya difahamkan setiap pam baharu yang bakal dipasang di seluruh Kelantan ini mampu membekalkan air kepada tanah sawah sekitar kira-kira 300 hektar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi KADA, Muhammad Husin ketika dihubungi berkata, satu mesyuarat khas telah



MUHAMMAD

diadakan pada Ahad bagi membincangkan gerak kerja keseluruhan dalam penyediaan pam tersebut.

Menurutnya, KADA telah menyiapkan satu kertas kerja berhubung perkara itu dan akan menyerahkannya kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk diteliti serta dipersetujui.

"KADA telah membuat persiaran rapi dan menyenaraikan beberapa pilihan pam, selain kaedah bagaimana untuk uruskan peruntukan yang disalurkan," katanya.

Pada 2 Mei lalu, Perdana Menteri mengarahkan supaya pembelian 20 unit pam air melibatkan nilai RM20 juta untuk kegunaan di Kelantan di-segerakan. - Bernama

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari

Sektor pertanian perlu penjenamaan semula

Terdapat keperluan untuk mengkaji semula tanah pertanian yang dinamik bagi mengoptimumkan penggunaan tanah di Malaysia kerana ia mengalami kekurangan sumber dalam mempromosikan sektor pertanian makanan, kata ahli ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata dalam hal ini pertanian vertikal akan membantu meminimumkan penggunaan tanah dan membolehkan penanaman dengan lebih mampan.

"Mungkin pertanian vertikal atau menegak sesuai di kawasan bandar, terutama apabila ada banyak bangunan komersial. Bagi penduduk luar bandar, mengoptimumkan tanah warisan dan terbiar adalah kaedah yang paling mudah," katanya.

Selain itu, sektor pertanian memerlukan penjenamaan semula kerana sektor terbabit memerlukan naratif yang merangkumi

teknologi baharu dan pendapatan yang lebih tinggi untuk menarik bakat muda menyertai industri berkenaan.

Malaysia bergantung kepada sumber asing untuk pertanian bagi makanan domestik.

Pelbagai barangan makanan di Malaysia secara konsisten berada di bawah paras 100 peratus nisbah sara diri (SSR), menandakan perlunya import bagi memenuhi permintaan dalam negeri.

Selain itu, nisbah pergantungan import untuk semua jenis bawang berada pada paras 100 peratus, yang menunjukkan pergantungan sepenuhnya kepada sumber luaran.

Menurut Bank Muamalat, nisbah pergantungan import untuk bawang, kubis bulat dan cili ialah masing-masing pada 100 pe-

ratus, 55.5 peratus dan 74 peratus untuk 2022; bagi kambing, daging lembu dan sotong, masing-masing pada 91.5 peratus, 85.6 peratus, 70.6 peratus.

"(Keadaan ini) mengakibatkan negara terdedah kepada perubahan harga antarabangsa dan krisis dari negara pengeksport makanan berpotensi menyebabkan kejutan bekalan yang boleh memburukkan lagi kenaikan harga makanan," kata Mohd Afzanizam.

Dengan campuran tangan dasar yang betul, pertanian boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, kata ahli ekonomi itu sambil menambah ada keperluan untuk kembali kepada asas.

"Tumpuan sentiasa diberikan kepada sektor perladangan yang boleh difahami sebagai usaha komersial yang akan memberi pua-

ngan lebih tinggi. Bagaimanapun, pergantungan kita kepada import makanan perlu dikaji semula.

"Jika kita dapat melakukannya dengan baik, ia boleh menjadi pemangkin kepada strategi pertumbuhan seimbang di antara negeri dan menjadi penggerak utama untuk mengurangkan kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Mohd Afzanizam menyatakan bahawa menangani sekuriti makanan boleh menjadi strategi serampang dua mata, iaitu meningkatkan bekalan dan ketersediaan makanan, manakala satu lagi adalah menggunakannya sebagai pemangkin bagi membaiki kemiskinan.

Berdasarkan kepada Bank Dunia dalam Pemantauan Ekonomi Malaysia yang dikeluarkan pada Oktober 2023, Malaysia merekodkan kemiskinan mutlak pada 6.2 peratus, lebih tinggi daripada paras prapandemik, iaitu 5.6 peratus pada 2019.



Mohd Afzanizam

7/5/2024

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA

24

PENDIDIKAN

Pelajar KV Pasir Puteh hasilkan baja tanaman

Oleh TOREK SULONG
utusan.news@mediamail.com.my

SEKUMPULAN pelajar industri tanaman Kolej Vokasional (KV) Pasir Puteh, Kelantan memanfaatkan sisa-sisa makanan terbuang dengan menghasilkan baja folia yang dinamakan sebagai *AgriBooster*.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, ketua pelajar Wan Mohamad Syarif Wan Azmi, 18, berkata, sisa-sisa itu akan dihancurkan menggunakan mesin yang direka khas oleh mereka dengan modal sebanyak RM250.

Menurutnya, sisa-sisa yang sudah diproses itu akan dimampatkan selama tiga minggu dalam penapis sebelum cecair pekat berwarna coklat dimasukkan ke dalam takungan yang disediakan.

"Kami telah mencuba produk ini (*AgriBooster*) dengan kaedah semburan kepada 15 pokok anggur *Jupiter* dan *Black Mustad*. Alhamdulillah, anggur tersebut telah mengeluarkan buah yang berkualiti," katanya.

Wan Mohamad Syarif memberitahu, produk yang dihasilkan sejak 3 November tahun lalu itu masih dalam proses penyelidikan dan kajian (R&D).

Katanya, ia melibatkan aspek penghasilan produk serta fungsinya dalam sektor

Baja tersebut berfungsi menyuburkan tanaman sayuran yang lain termasuk golden melon yang diusahakan mereka."

pertanian. "Kami mendapat bimbingan penuh daripada pensyarah untuk memanfaatkan sisa dapur serta pelbagai jenis sayuran yang terbuang bagi menghasilkan baja.

"Lebih mengujakan lagi apabila Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyalurkan bekujasama dengan kami dari aspek teknologi dan paten dalam penghasilan mesin serta penghasilan produk yang berkualiti," ujarnya.

Seorang lagi pelajar, Zulkarnain Sulaiman, 18, berkata baja tersebut berfungsi menyuburkan tanaman sayuran yang lain termasuk *golden melon* yang diusahakan mereka.

Katanya, jika produk ini berjaya dikomersialkan ia akan membantu para petani mendapatkan baja pada harga yang lebih murah serta berkualiti.



PELAJAR dan guru menunjukkan baja yang dihasilkan oleh pelajar Kolej Vokasional Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

Time to relook land cultivation to improve agri-food sector

KUALA LUMPUR: There is a need to relook the prevailing dynamics of land cultivation to optimise land use due to a lack of resources to promote the agri-food sector, says an economist.

Bank Muamalat (M) Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid said vertical farming will help minimise land use and grow crops more sustainably.

"Perhaps, vertical farming is suitable in urban areas, especially when there are plenty of commercial buildings. As for the rural folks, optimising abandoned and heritage lands would be the low-hanging fruits," he told *Bernama*.

Also, the agricultural sector will need rebranding as the sector requires narratives that embrace new technology and higher income to attract young talent into the industries.

Malaysia has been relying on foreign sources for domestic food cultivation.

Various food items in Malaysia have been consistently below the 100% self-sufficiency ratio (SSR), signalling the need for imports to meet domestic demand.

Additionally, the import dependency ratio for all types of onions stands at 100%, indicating complete reliance on external sources.

According to Bank Muamalat, the import dependency ratio for onions, round cabbage and chilli stood at 100%, 55.5% and 74%, respectively, as of 2022; for mutton, beef and cuttlefish, it is 91.5%, 85.6%, 70.6%, respectively.

"(This situation has) resulted in the country being vulnerable to changes in international prices, and hostility from food-exporting countries could potentially cause a supply shock which could exacerbate an increase in food prices," Mohd Afzanizam said.

With the right policy intervention, it can be a catalyst for economic growth, the economist said, adding that there is a need to go back to basics.

"The focus has always been on the plantation sector which understandably is a commercial venture that would give higher returns. However, our dependence on food imports needs to be revisited.

"If we can do it well, it can be a catalyst for a balanced growth strategy among the states and become a prime mover to alleviate the poverty among Malaysians," he said.

Mohd Afzanizam noted that addressing food security can be a two-pronged strategy, that is, to increase food supplies and availability, while the other is to use it as a catalyst for poverty eradication.

According to the World Bank in its Malaysia Economic Monitor released in October 2023, Malaysia recorded 6.2% of absolute poverty, higher than the pre-pandemic level of 5.6% in 2019.

This means that, as of 2022, nearly 490,000 Malaysian households still lived below the average national poverty line of a monthly household income of RM2,589.

Malaysia University of Science and Technology economist and provost for research and innovation Prof Geoffrey Williams said eradication of absolute poverty could happen overnight, as one could identify those in the hardcore poor category and provide regular cash transfers to bring their income above the poverty line.

"Malaysia has been doing this and it has been successful. The eradication of hardcore poverty is based on direct cash transfers and other direct assignments to targeted households. This is the correct approach," he told *Bernama*.

Williams said direct cash transfers did

not cost a great deal and could be incorporated and paid from the existing subsidies budget.

"It will be cheaper than the current subsidies. A RM500 monthly transfer to B40 households would cost RM17.5bil per year. This would incorporate the existing *bantuan* (help) schemes.

"So taking existing budgets and using the Central Database Hub (Padu) to target recipients is completely affordable to run a Universal Basic Income (UBI)," he said, adding that the UBI threshold should be set based on Bank Negara, the Statistics Department and the Employees Provident Fund (EPF) Belanjawanku mobile application.

"The EPF's Belanjawanku estimates living wages. Those below this threshold should receive direct cash transfers to top up to the UBI level. This is by far the best way of eradicating absolute, relative and other forms of poverty.

"It is the basis of the new Padu system and can replace all other ad-hoc welfare handouts," he added.

On whether urbanisation could help to alleviate poverty, Williams said urbanisation happens naturally and may not always solve problems.

"It can be much better to reform economic opportunities outside of major cities by reforming Felda, for example, as suggested recently by (Deputy Prime Minister) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi," he added.

In March, Ahmad Zahid said the government will announce new approaches to benefit Felda soon.

He is also determined to implement immediate changes to Felda, especially Felda settlers' net income to enable them to get out of hardcore poverty.

Optimise land to curb reliance on imported food: Economist

BEIJING: Dependency on imported food items could be overcome by optimising land use to grow sustainable crops, said Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid.

He said vertical farming is suitable for urban areas as there are plenty of commercial buildings, while rural areas could use abandoned and heritage land to grow crops.

He also said the agricultural sector needs to be rebranded by embracing new technology and generating a higher income to attract young talent, Bernama reported.

Afzanizam said the country has been relying on foreign sources for domestic food cultivation, adding that various food items have been consistently below the 100% self-sufficiency level, resulting in the need for imports to meet domestic demand.

He said the import dependency

➤ Reports reveal dependency on foreign commodities such as onions and chillies at 100% and 74% respectively

level for all types of onions is at 100%, indicating complete reliance on external sources.

Bank Muamalat revealed the import dependency figures for onions, round cabbage and chilli is at 100%, 55.5% and 74% respectively, as of 2022.

As for mutton, beef and cuttlefish, it is at 91.5%, 85.6%, 70.6% respectively.

"(The situation has) resulted in the country being vulnerable to changes in international prices and hostility from food-exporting countries, that could potentially cause a supply shock and exacerbate an increase in food prices.

"The focus has always been on

could happen overnight if regular cash transfers were provided to those in the hardcore poor category.

He said the move could bring the incomes of individuals in that category above the poverty line, adding that the country has been successful with this strategy.

"The eradication is based on direct cash transfers and other direct assignments to targeted households."

He said direct cash transfers do not cost a great deal and could be incorporated and paid from existing subsidies budgets.

"It would be cheaper than the current subsidies. A RM500 monthly transfer to B40 households would cost RM17.5 billion per year. This would incorporate the existing 'bantuan' (help) schemes.

"So, taking existing budgets and using Padu to target recipients is affordable to run a universal basic income."

(agriculture), which is a commercial venture that would give higher returns. However, our dependence on imports needs to be reviewed."

He said addressing food security is a two-pronged strategy, that is to increase food supplies and availability as well as a catalyst to overcome poverty.

In October 2023, an economic report by the World Bank disclosed the country recorded 6.2% of absolute poverty, higher than the 5.6% recorded in 2019.

Malaysia University of Science and Technology research and innovation provost and economist Prof Geoffrey Williams said eradication of absolute poverty